KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	08.02.22	MUKA SURAT	:	28
JABATAN	:	PERHILITAN			

Kereta terbalik langgar bangkai tapir

Pemandu, penumpang cedera di muka dan patah kaki

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI

JELEBU

Dua cedera selepas kereta Perodua Axia yang mereka naiki melanggar bangkai seekor tapir di Jalan Kuala Klawang-Simpang Pertang berhampiran Petaseh di sini pada Isnin.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Jelebu, Mohd Fazzil Mohd Yunus berkata, dalam kejadian jam 7.50 pagi itu, mangsa iaitu pemandu berusia 60 tahun dan penumpang wanita 20 tahun dari arah Simpang Pertang menuju ke Kuala Klawang.

FOTO: IHSAN BOMBA





Keadaan kereta Perodua Axia yang terbalik selepas melanggar bangkai seekor tapir di Jalan Kuala Klawang-Simpang Pertang berhampiran Petaseh pada Isnin.

"Namun sebaik sampai di lokasi, mangsa gagal mengelak bangkai seekor tapir sekali gus mengakibatkan kereta dipandu terbalik di tengah jalan.

"Kejadian itu menyebabkan mangsa cedera pada muka dan penumpang wanita patah kaki. Terdapat seorang lagi penumpang wanita berusia 20 tahun tidak cedera," katanya.

Menurutnya, mangsa yang cedera telah dibawa ke Hospital Jelebu untuk menerima rawatan lanjut.

Tambahnya, tapir yang mati terbabit dianggarkan seberat 100 kilogram dan dipercayai telah dilanggar oleh sebuah lori sebelum itu.